

# Sekitar Konvokesyen SSMP 2013

Jane E. Ading

Majlis Konvokesyen ke-15 telah diadakan pada 23–25 November 2013. Seramai 155 orang pelajar Sekolah ini telah bergraduat dalam majlis ini. Terdapat 3 orang pelajar yang mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama, 77 orang pelajar mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Dua Atas, dan 75 orang pelajar mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Dua Bawah.

Pelajar-pelajar Sekolah ini telah dikurniakan ijazah mereka pada Sidang ke dua hari pertama, 23 November 2013. Pelajar-pelajar yang telah mendapat kelas Pertama adalah Chang Syh Syh dan Joaane The Wei Seen, dari Program Sains Makanan dan Pemakanan (HS04), serta Cheng Yueh Fang dari Program Teknologi Makanan dan Bioproses (HY07).